

Selasa, Mac 27 2018



JULIA GOH (kiri) dan Suan Teck Kin selepas majlis taklimat media unjuran mata wang ringgit dan pertumbuhan ekonomi di Kuala Lumpur, semalam.

UTUSAN 27/3

Ringgit mampu cecah RM3.80 hujung tahun

KUALA LUMPUR 26 Mac - Ringgit mampu mengukuh kepada RM3.80 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang hujung tahun ini, disokong oleh asas ekonomi yang kukuh dan pengawalan yang berkesan terhadap pasaran pertukaran asing.

Penganalisis Ekonomi United Overseas Bank Malaysia Bhd

media unjuran ringgit dan pertumbuhan ekonomi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif Kaji Selidik Ekonomi dan Pasaran Global United Overseas Bank Limited, Suan Teck Kin.

Julia memberitahu, mata wang tempatan itu juga kekal dinilai lebih rendah dengan nilai saks-

Overseas Bank Malaysia Bhd. (OUB Malaysia), Julia Goh berkata, mata wang tempatan itu dijangka kekal positif dalam tempoh enam hingga 12 bulan akan datang, meskipun dengan lebih ketidaktentuan pasaran.

Menurut beliau, tarif perdagangan AS mungkin mencetuskan ketidaktentuan baharu di pasaran dengan kemungkinan pengurangan imbalan rizab persekutuan AS atau peningkatan kadar faedah, menambah tekanan ke atas pasaran mata wang.

"Tarif perdagangan AS bersifat perlindungan ini akan memberi kesan kepada aktiviti perdagangan global, terdapat risiko ekonomi Asia yang didorong oleh eksport mungkin akan terjejas apabila pelabur beralih ke aset yang lebih selamat.

"Bagaimanapun, ringgit tidak akan terlalu terpengaruh dengan turun naik yang mendadak berbanding mata wang serantau lain kerana ia disokong oleh pertumbuhan domestik yang menggalakkan," katanya dalam taklimat

kebiasaan dengan mata wang ma sepatutnya berada pada antara RM3.60 dan RM3.70, disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran yang terus menghalang pelabur untuk melabur.

"Ini termasuk ketegangan yang semakin meningkat antara AS dan China dengan kemungkinan pelaksanaan tarif perdagangan baharu bila-bila masa, serta Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang akan diadakan tidak lama lagi," katanya.

Mengulas lanjut katanya, pertumbuhan global yang kukuh, tahap penggunaan dan perbelanjaan swasta domestik yang lebih tinggi serta pasaran pertukaran asing dalam negeri yang teratur meletakkan ringgit pada kedudukan yang mantap.

"Penambahbaikan pasaran buruh, peningkatan pendapatan nominal, perkembangan kemewahan dalam kalangan rakyat Malaysia telah membantu mengukuhkan aliran tahap penggunaan swasta dalam negara yang akan memanfaatkan ringgit," katanya.